KARYA ILHAM PUBLISHING
CONNECTING MINDS, BRIDGING IDEAS, INSPIRING READERS

Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index
ISSN: 2462-1951



Cabaran Kecerdasan Buatan (AI) Terhadap Keupayaan Pemikiran Kritis Mahasiswa Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT): Satu Analisis Epistemologi Digital dan Penstrukturan Semula Pentaksiran

The Challenge of Artificial Intelligence (AI) to the Critical Thinking Capabilities of University Students in the 'Philosophy and Current Issues' (FIS) Course: A Digital Epistemological Analysis and the Restructuring of Assessment

Razizi Tarmuji[1], Nor Alhana Abd Malik[2,*], Masnih Mustapa[2]

[1] Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia
[2] Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:
Received 1 October 2026
Received in revised form 6 November 2026
Accepted 10 November 2026
Available online 16 November 2026

ABSTRACT

Perkembangan pesat teknologi Kecerdasan Buatan (AI) telah merombak landskap pembelajaran dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT). Perubahan ini dapat dilihat pada proses pengajaran dan pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa di IPT. Kursus ini merupakan salah satu mata pelajaran umum (MPU) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2019 yang wajib diambil oleh semua mahasiswa IPT. Kursus ini bertujuan untuk membina keupayaan pemikiran kritis berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, kebergantungan berlebihan kepada AI mengancam proses penaakulan falsafah yang tulen. Kajian konseptual ini bertujuan menganalisis cabaran epistemologi digital terhadap daya pemikiran kritis pelajar dan merangka cadangan penstrukturan semula pedagogi serta pentaksiran kursus. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen terhadap isi kandungan kursus, literatur epistemologi Islam dan kajian-kajian AI terkini dalam pendidikan tinggi. Hasil kajian mendapati penggunaan AI tanpa kawalan etika memicu kemalasan intelek yang boleh menghakis pemikiran kritis pelajar. Bagi mendepani cabaran ini, kajian mengesyorkan peralihan bentuk pentaksiran kepada penilaian yang lebih sesuai seperti portfolio reflektif berfasa dan penilaian lisan bagi mengekalkan integriti akademik serta melahirkan modal insan beradab.

The rapid advancement of Artificial Intelligence (AI) technology has significantly transformed the learning landscape among students in higher education institutions (HEIs). This shift is particularly evident in the teaching and learning of the Philosophy and Current Issues course, a compulsory General Studies Subjects (MPU) introduced by the Ministry of Higher Education Malaysia in

* *Corresponding author.*
E-mail address: noral801@uitm.edu.my

Keywords:

Epistemologi digital; Kecerdasan Buatan (AI); pemikiran kritis; pentaksiran

Digital epistemology; Artificial Intelligence (AI); critical thinking; authentic assessment

2019. Designed to foster critical thinking grounded in the National Education Philosophy, the course's core objective is increasingly challenged by an overreliance on AI, which threatens genuine philosophical reasoning. This conceptual study aims to analyse the digital epistemological challenges impacting students' critical thinking faculties and propose a framework for restructuring the course's pedagogy and assessment. Employing a qualitative document analysis methodology, the research examines the course syllabus, Islamic epistemological literature, and contemporary studies on AI in higher education. The findings reveal that unregulated AI usage triggers intellectual laziness, ultimately eroding students' critical thinking capabilities. To mitigate these challenges, the study advocates for a paradigm shift toward authentic assessment strategies, such as phased reflective portfolios and oral evaluations, thereby safeguarding academic integrity and cultivating ethical, well-mannered human capital.

1. Pendahuluan

Dunia pendidikan tinggi sedang berhadapan dengan gelombang perubahan yang sangat pantas rentetan daripada revolusi digital dan kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) Generatif [20]. Platform kecerdasan buatan lanjutan seperti ChatGPT, Claude, Gemini dan DeepSeek telah mengubah ekosistem pencarian maklumat, membolehkan mahasiswa menjana jawapan segera, merumuskan korpus literatur yang kompleks dan merangka esei akademik secara pantas melalui pemprosesan algoritma bahasa [16,20]. Walaupun inovasi ini mempromosikan kecekapan dan produktiviti yang tinggi, kepantasan mengakses jawapan tersebut didapati telah mengubah tingkah laku pembelajaran mahasiswa daripada berasaskan amalan inkuiri kritis yang mendalam (deep inquiry) kepada model penggunaan maklumat secara pantas tanpa melalui proses pemikiran kendiri [16]. Kecenderungan ini mewujudkan persekitaran mahasiswa yang cuba mengelak daripada berhadapan dengan ketidakpastian fakta atau usaha keras yang diperlukan untuk mencerna teori-teori akademik yang kompleks [20]. Fenomena ini bukan sekadar persoalan teknikal berkaitan kemunculan alat pembelajaran baharu, sebaliknya mencerminkan asas dalam cara ilmu diperoleh, disahkan dan dihayati oleh generasi mahasiswa hari ini. Perkara ini menjadi lebih membimbangkan bagi kursus-kursus yang berteraskan penaakulan falsafah dan pembinaan hujah kritis seperti Falsafah dan Isu Semasa (FIS), memandangkan matlamat kursus sedemikian bukan sekadar penguasaan fakta, sebaliknya pembentukan keupayaan berfikir secara mendalam, beretika dan bertanggungjawab.

Sebagai langkah membina jati diri dan ketahanan intelek graduan dalam mendepani cabaran global, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia telah memperkenalkan penstrukturan semula Mata Pelajaran Umum (MPU) pada tahun 2019, yang membahagikan kursus-kursus pengajian am kepada empat kelompok utama, iaitu Kelompok U1 (Penghayatan Falsafah, Nilai dan Sejarah), Kelompok U2 (Kemahiran Insaniah), Kelompok U3 (Pengetahuan tentang Malaysia) dan Kelompok U4 (Pembangunan Komuniti) [12,13]. Melalui Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 14/2019 pada 12 Jun 2019, Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) telah ditetapkan sebagai kursus teras MPU Kelompok U1 yang wajib diambil oleh semua mahasiswa sarjana muda di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia [5,8].

Kursus FIS digubal secara holistik berteraskan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi membina modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) [5,11]. Struktur silibus kursus ini merangkumi lapan domain falsafah utama yang merentasi pengenalan ilmu falsafah, logik, epistemologi, metafizik, sosiologi dan psikologi (konsep insan), aliran ideologi semasa, serta agenda dekolonisasi ilmu [10,17]. Matlamat utama pendedahan ini adalah untuk membekalkan mahasiswa dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kecekapan menolak falasi, membongkar

hegemoni pemikiran penjajahan (sekularisme dan dualisme), serta melahirkan graduan yang memiliki jati diri moral yang kukuh sebagai "Insan Sejahtera" [5,11].

Namun demikian, ledakan penggunaan AI Generatif dalam kalangan mahasiswa kini mencetuskan kebimbangan besar terhadap keberkesanan kursus FIS dalam mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Mahasiswa kini terdedah kepada ancaman kognitif yang dikenali sebagai cognitive offloading iaitu kecenderungan menggunakan instrumen luar (aplikasi digital) untuk mengambil alih tugas pemprosesan maklumat yang sepatutnya ditanggung oleh sistem memori kerja kognitif manusia [15,16]. Apabila proses berfikir, merangka hujah dan membina refleksi falsafah diserahkan sepenuhnya kepada AI, perkara ini menyuburkan tabiat kemalasan intelek (intellectual laziness).

Pensyarah mendapati tugasan bertulis atau esei refleksi falsafah yang diserahkan oleh pelajar kelihatan tersusun indah dari aspek sintaksis dan gaya bahasa, namun apabila diteliti secara mendalam, ia kontang daripada keaslian pandangan, ketandusan penghayatan nilai dan adab ilmiah, serta sekadar mencerminkan kitaran semula teks algoritma mesin yang generik [16]. Krisis epistemologi digital ini merosakkan asas-asas pemikiran kritis dan melonggarkan fungsi metakognitif pelajar sebagai pemikir bebas.

Bagi merapatkan jurang yang kritikal ini, kajian konseptual ini digerakkan untuk memenuhi dua objektif utama: Pertama, menganalisis cabaran epistemologi digital yang dibawa oleh teknologi AI Generatif terhadap keupayaan pemikiran kritis mahasiswa dalam kursus FIS. Kedua, merangka cadangan penstrukturan semula pedagogi dan pentaksiran yang mengurangkan kebergantungan kepada AI bagi mengekalkan integriti akademik dan kelangsungan pemikiran kritis di universiti.

Kajian ini dibimbing oleh dua persoalan utama: (1) Bagaimanakah interaksi bersama AI mencabar epistemologi digital dan fungsi kognitif mahasiswa FIS? dan (2) Apakah strategi penjajaran semula pedagogi dan penilaian kursus yang relevan untuk mendepani dominasi teknologi ini?

Kepentingan kajian ini sangat signifikan kerana ia menyediakan kerangka rujukan kualitatif dan empirikal kepada para pendidik MPU untuk menguruskan risiko kognitif digital, menyumbang idea penstrukturan semula dasar penilaian kursus pengajian am di peringkat KPT, serta memperkukuh epistemologi Islam sebagai alternatif beradab mendepani gelombang pendidikan bercorak teknosentrik. Pertama, aspek praktikal kajian ini terserlah apabila dapatan yang diperoleh membekalkan pensyarah dan pembina kurikulum MPU dengan kefahaman konkrit tentang corak tingkah laku kognitif mahasiswa apabila berhadapan dengan teknologi AI Generatif, sekali gus membolehkan tindakan intervensi pedagogi yang lebih tepat sasaran dirangka. Kedua, aspek dasar turut disentuh apabila cadangan penstrukturan semula wajaran pentaksiran yang dikemukakan berpotensi menjadi asas awal perbincangan bagi pihak berkepentingan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menyemak semula garis panduan pentaksiran kursus MPU Kelompok U1 secara menyeluruh. Ketiga, aspek keilmuan turut diperkukuh kerana kajian ini menyumbang kepada wacana epistemologi Islam kontemporari dengan menempatkan konsep 'aql, tazkiyah dan adab sebagai kerangka alternatif yang relevan bagi mendepani cabaran teknosentrisme pendidikan tinggi masa kini. Justeru, kajian ini bukan sahaja relevan kepada pensyarah dan mahasiswa kursus FIS secara khusus, sebaliknya turut memberi input kepada perbincangan dasar pendidikan tinggi negara secara lebih luas. Kepentingan kajian ini wujud dalam tiga lapisan yang saling melengkapi iaitu amalan pengajaran harian, hala tuju dasar kebangsaan dan asas keilmuan epistemologi, menjadikan sumbangannya bersifat menyeluruh dan bukan hanya bidang akademik.

2. Sorotan Literatur

2.1 Konsep Cognitive Offloading dan Teori Beban Kognitif

Fenomena cognitive offloading merujuk kepada tindakan fizikal atau digital memindahkan tugasan mental kepada instrumen luar bagi meminimumkan penggunaan kapasiti memori kerja kognitif [15]. Berasaskan Teori Beban Kognitif (Cognitive Load Theory) yang dipelopori oleh Sweller [18], struktur ingatan manusia mempunyai had pemprosesan yang ketat semasa mencerna maklumat baharu. Mengurangkan beban kognitif luaran (extraneous cognitive load) melalui bantuan teknologi sepatutnya boleh meningkatkan kecekapan memori untuk menumpukan kepada pemprosesan kognitif yang lebih mendalam (germane load) [16,18]. Walau bagaimanapun, dalam konteks penggunaan AI Generatif secara tidak terancang, mahasiswa didapati memindahkan bukan sahaja beban operasi teknikal, tetapi juga beban pemprosesan kognitif teras seperti sintesis hujah, penilaian logik dan interpretasi konsep falsafah [16,20]. Penyerahan melampau ini membawa kepada kemerosotan ketahanan mental (mental persistence) dan memicu "ilusi pengetahuan" (illusion of knowing), iaitu apabila individu menganggap diri mereka memiliki pengetahuan mendalam tentang satu-satu topik, walhal mereka sekadar mengakses maklumat luaran yang dijana secara rawak oleh mesin tanpa pemahaman konseptual yang sejati [14,16).

2.2 Perbandingan Epistemologi Islam dan Epistemologi Digital

Epistemologi Islam berpasak kepada premis bahawa pencarian ilmu (ṭalab al-ʿilm) ialah suatu proses ibadah yang menyatukan seluruh potensi insan melalui integrasi wahyu (waḥy), pembersihan jiwa (tazkiyah), pembudayaan akal budi ('aql), renungan mendalam (tafakur), serta pematuhan disiplin adab [2,6,19]. Kerangka ini meletakkan pemikiran kritis bukan sebagai kemahiran kognitif yang berdiri sendiri, sebaliknya sebagai natijah daripada penyepaduan antara akal, hati dan wahyu. Proses tafakur misalnya menuntut mahasiswa merenung secara mendalam terhadap sesuatu premis sebelum menerimanya sebagai kebenaran, suatu disiplin yang jauh berbeza daripada kepantasan menerima jawapan segera yang ditawarkan oleh sistem AI Generatif. Begitu juga dengan konsep adab yang menuntut pencari ilmu memuliakan proses pembelajaran itu sendiri melalui kesungguhan, kesabaran dan pengiktirafan kerja keras intelektual sebagai sebahagian daripada ibadah, bukan hanya wasilah untuk memperoleh gred cemerlang. Justeru, sebarang usaha memudahkan proses pembelajaran secara melampau tanpa penghayatan nilai-nilai ini berisiko menghakis roh sebenar pencarian ilmu dalam tradisi Islam, walaupun hasil akhir tugasan kelihatan sempurna dari aspek kandungan dan bahasa. Kerangka epistemologi ini seterusnya menjadi asas penting bagi menilai sejauh mana penggunaan AI Generatif dalam kursus FIS selari atau bercanggah dengan hasrat pembentukan mahasiswa yang berfikir kritis, beradab dan bertanggungjawab sebagaimana yang dihuraikan lanjut dalam perbandingan berikut.

Ilmu dalam Islam bukan sekadar longgokan data atau teks, sebaliknya kefahaman hakiki (ma'rifah) yang membentuk akhlak dan jati diri insan bertaqwa [11]. Sebaliknya, epistemologi digital yang menggerakkan model kecerdasan buatan beroperasi secara mekanikal menerusi pengiraan statistik, kebarangkalian perkataan dan pemprosesan korpus data raya tanpa penglibatan roh, kesedaran moral, mahupun keikhlasan hati [4]. Apabila mahasiswa FIS bergantung sepenuhnya kepada jawapan sedia ada AI, mereka bukan sahaja mengalami pemisahan nilai spiritual daripada ilmu, tetapi juga terdedah kepada pemikiran relativisme pascamoden Barat yang menafikan mutlaknya kebenaran agama, sekali gus menyimpang daripada hasrat dekolonisasi ilmu yang terkandung dalam silibus FIS [5,17]. Percanggahan asas antara kedua-dua paradigma ini menjelaskan mengapa pergantungan tanpa tapisan kepada AI dalam kursus FIS bukan sekadar isu kecekapan akademik, sebaliknya

persoalan epistemologi yang menyentuh hakikat sesuatu ilmu itu sendiri. Sekiranya mahasiswa gagal membezakan antara maklumat yang dijana secara statistik dengan ilmu yang dihayati secara rohaniah dan moral, matlamat kursus FIS untuk melahirkan "Insan Sejahtera" yang seimbang dari aspek JERI turut tergugat. Penekanan terhadap kesedaran epistemologi ini perlu menjadi teras kepada sebarang usaha penstrukturan semula pedagogi dan pentaksiran kursus FIS pada masa hadapan.

2.3 Kajian Berkaitan Pelaksanaan dan Keberkesanan Kursus FIS di Malaysia

Sorotan terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa kursus FIS yang diperkenalkan sejak 2019 memberikan impak yang sangat positif dalam ekosistem pendidikan negara. Dapatan meta-analisis oleh Jahidih Saili *et al*., [17] ke atas 21 kajian empirikal membuktikan bahawa majoriti pelajar mengakui kursus FIS berjaya meningkatkan kesedaran mereka tentang isu semasa, membantu mereka berfikir secara kritis dan logik, serta memperkukuh identiti kebangsaan dan moral berteraskan FPK. Kajian empirikal berskala besar di Universiti Malaya oleh Faezah Kassim et al. [8] terhadap 1,371 pelajar mengesahkan bahawa pelaksanaan kursus FIS berkesan memupuk atribut Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 2.0), khususnya Minda Ingin Tahu (KKM4), Tanggungjawab Sosial (KKM3C) dan Pembelajaran Berautonomi (KKM4) dengan pencapaian melebihi sasaran 70% tanda aras.

Walau bagaimanapun, kajian Faezah Kassim *et al*., [9] turut mendapati bahawa walaupun pelajar menerima baik penggunaan pelbagai aplikasi teknologi sepanjang proses PdP dalam talian, majoriti pelajar (melebihi 70%) masih menyatakan keutamaan yang jelas terhadap interaksi bersemuka secara langsung bagi membincangkan dialektika falsafah secara mendalam. Seterusnya, kajian Syamsul Azizul Marinsah *et al*., [10,11] di Universiti Malaysia Sabah mengukuhkan peranan modul FIS (khususnya topik sosiologi, psikologi dan etika) dalam membina kerangka akhlak dan pemikiran kritis pelajar. Sungguhpun demikian, landskap kajian-kajian ini sebahagian besarnya dijalankan sebelum bermulanya era kebangkitan AI Generatif secara meluas pada penghujung tahun 2022. Hal ini mewujudkan jurang penyelidikan yang mendesak untuk mengkaji cara ekosistem AI mencabar keberkesanan dan reka bentuk penilaian kursus FIS pada masa kini. Jurang ini menjadi semakin ketara memandangkan tiada mana-mana kajian lepas yang meneliti secara khusus interaksi antara ledakan AI Generatif dengan reka bentuk pentaksiran kursus FIS di IPT Malaysia. Kajian ini disediakan bagi mengisi jurang tersebut dengan menawarkan analisis konseptual serta cadangan penstrukturan semula pentaksiran yang relevan dengan cabaran semasa.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menerapkan reka bentuk kualitatif konseptual dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen (document analysis). Reka bentuk ini membolehkan penyelidik membina penilaian kritis terhadap konsep kognitif, dasar pendidikan dan interaksi teknologi dalam pengajian tinggi. Korpus dokumen utama yang dikumpulkan dan dianalisis merangkumi: (1) Silibus kursus FIS di UiTM (CTU552); (2) Pekeliling Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) KPT berkaitan pengemaskinian struktur MPU (2019) dan garis panduan penggunaan AI di IPT; dan (3) Kajian kualitatif berimpak tinggi yang diterbitkan dalam pangkalan data terindeks (Scopus dan MyCITE) berkaitan fenomena kognitif pelajar terhadap AI Generatif, terutamanya dapatan fenomena kognitif oleh Roy dan Jony [16] serta sorotan sistematik Zhai *et al*., [20].

Penyelidik menganalisis korpus data teks secara terperinci dengan mengaplikasikan kerangka analisis tematik enam fasa oleh Braun dan Clarke [7] bagi mengekstrak, mengkategorikan dan

mentakrifkan tema-tema berkaitan cabaran kognitif digital [1]. Kajian ini turut mengekalkan proses reflektiviti penyelidik bagi memastikan interpretasi konseptual tidak dipengaruhi oleh kecenderungan peribadi, sebaliknya disokong secara tegar oleh bukti-bukti berpandukan silibus FIS dan literatur yang sahih [1]. Bagi memperkukuh kredibiliti dapatan, penyelidik turut mengamalkan triangulasi sumber dengan membaca silang antara silibus rasmi kursus FIS, pekeliling dasar KPT dan literatur akademik berkaitan, bagi memastikan tema yang terbentuk bukan sekadar tafsiran tunggal daripada satu jenis dokumen semata-mata. Semakan berulang terhadap draf tema turut dilakukan bagi memastikan setiap tema yang dikemukakan benar-benar berakar daripada data dokumen dan bukan andaian penyelidik semata-mata, selaras dengan kehendak fasa keempat dan kelima kerangka Braun dan Clarke [7] sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1. Walau bagaimanapun, kajian ini perlu diakui bersifat konseptual dan berasaskan analisis dokumen tanpa melibatkan pengumpulan data primer secara langsung daripada mahasiswa atau pensyarah kursus FIS. Dapatan yang dibentangkan perlu difahami sebagai sintesis kritis terhadap fenomena yang telah didokumentasikan dalam literatur berkaitan dan bukannya penemuan empirikal baharu yang diperoleh secara terus daripada lapangan kajian di Malaysia.

Jadual 1
Enam fasa proses analisis tematik [7]

Fasa 1	Suai kenal dengan data (*Data familiarization*)	Membaca berulang kali teks dokumen kurikulum FIS, pekeliling MPU dan transkrip naratif kesan AI.
Fasa 2	Penjanaan kod awal (*Generating initial codes*)	Mengenal pasti dan melabel unit makna berkaitan 'cognitive offloading', 'kemalasan intelek' dan 'krisis epistemologi'.
Fasa 3	Membentuk tema (*Searching for themes*)	Mengelompokkan kod-kod yang tersebar ke dalam draf tema cabaran pemikiran kritis dan keperluan perubahan pedagogi.
Fasa 4	Menyaring tema (*Reviewing themes*)	Memastikan draf tema yang dibina selaras dengan data dokumen kurikulum FIS dan rujukan epistemologi Islam.
Fasa 5	Mentakrif & menamakan tema (*Defining & naming themes*)	Memperkemas empat dimensi cabaran epistemologi digital dan mencadangkan intervensi pentaksiran.
Fasa 6	Menulis laporan (*Producing the report*)	Menyusun hujah ilmiah konseptual yang menghubungkan penemuan dengan teori beban kognitif dan falsafah pendidikan.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Cabaran Epistemologi Digital

Analisis kandungan dokumen yang dijalankan telah berjaya mengenal pasti empat tema utama cabaran epistemologi digital terhadap daya pemikiran kritis mahasiswa kursus Falsafah dan Isu Semasa. Dapatan ini menunjukkan bahawa interaksi pelajar dengan AI generatif tidak sekadar memudahkan urusan pentadbiran tugasan, malah mengubah landskap kognitif dan pematuhan adab pencarian ilmu secara mendasar.

4.1.1 Pemprosesan ilmu secara cetek

Pendedahan berterusan terhadap jawapan segera yang dijana AI telah mengubah tabiat pembacaan analitikal mahasiswa kepada pemprosesan maklumat yang dangkal [16]. Pertama, berlakunya penerimaan tanpa verifikasi (unverified acceptance of AI outputs) iaitu apabila

mahasiswa cenderung menerima jawapan yang dihasilkan oleh AI sebagai fakta mutlak tanpa mengesahkan maklumat tersebut melalui buku rujukan primer, jurnal berwasit atau kitab muktabar[16,20]. Sikap tidak kritis ini mendedahkan pelajar kepada risiko kesilapan fakta dan halusinasi maklumat (AI hallucinations) yang kerap berlaku dalam teks penjanaan algoritma [20].

Kedua, amalan membaca ringkasan berbanding menganalisis teks (summary-based reading over analysis) didapati semakin meningkat. Pelajar menyalin rencana falsafah yang panjang dan mencabarnya ke dalam enjin AI untuk mendapatkan rumusan satu halaman. Amalan ini memintas proses membaca secara hermeneutik dan menganalisis teks baris demi baris, yang sebenarnya merupakan wadah utama untuk melatih kemandirian intelek [16]. Ketiga, terdapat isu integrasi lemah dengan pengetahuan sedia ada. Oleh sebab output AI disediakan dalam bentuk teks siap yang tersusun, pelajar menganggapnya sebagai pakej jawapan yang lengkap dan terasing [16]. Akibatnya, mereka gagal mengintegrasikan konsep baharu (seperti doktrin dualisme Cartesian dalam bab Dekolonisasi) dengan pengetahuan falsafah dan moral sedia ada yang diperoleh dalam kuliah terdahulu [5,16].

4.1.2 Hakisan usaha kognitif dan inisiatif

Kemudahan mengakses teks AI didapati telah mengurangkan kesediaan pelajar untuk menghadapi kesukaran intelektual yang diperlukan dalam kursus falsafah [16]. Subtema pertama ialah penolakan usaha berfikir mendalam. Pelajar menunjukkan toleransi yang sangat rendah terhadap kekeliruan pemikiran atau dilema moral. Mereka lebih memilih untuk menggunakan jalan pintas penyelesaian daripada meluangkan masa munasabah bagi menaakul isu-isu abstrak yang diketengahkan dalam kuliah logik, metafizik dan etika [11,16].

Subtema kedua ialah penurunan keyakinan terhadap keupayaan penaakulan kendiri. Mahasiswa mula meragui ketajaman pemikiran dan penguasaan bahasa mereka sendiri. Hal ini melahirkan pergantungan psikologi sehingga mereka merasa hujah yang mereka bina sendiri tidak sekemas dan sepintar olahan bahasa yang dijana oleh AI [16]. Akhir sekali, berlaku kemerosotan inkuiri dorongan kendiri. Minda ingin tahu (inquisitive mind) iaitu atribut MQF yang sangat ditekankan dalam kursus FIS [8] menjadi pasif. Pelajar berhenti mencari rujukan luaran atau meneroka kepelbagaian sudut pandang sebaik sahaja AI menyajikan senarai jawapan yang kelihatan memadai [8,16].

4.1.3 Kebergantungan kognitif berpaksikankan AI

Teknologi AI didapati telah beralih peranan daripada pembantu teknikal kepada pengemudi utama proses pemikiran pelajar [16,20]. Di bawah tema ini, subtema pertama ialah AI sebagai punca utama pencetus idea awal. Mahasiswa memulakan proses penulisan projek kumpulan atau tugasan individu bukan dengan perbincangan atau sumbang saran (brainstorming), sebaliknya dengan meminta AI menyediakan rangka tugasan dan tema hujah [16]. Ini memindahkan fasa pembentukan idea asal yang menjadi tunjang kreativiti kognitif [16,20].

Subtema kedua mempamerkan kebergantungan berulang. Berlaku pembentukan tabiat sehingga pelajar secara refleks membuka perisian AI untuk menyelesaikan apa-apa sahaja bentuk tugasan, termasuk tugasan bertaraf asas yang mampu diselesaikan secara berdikari [16]. Seterusnya, subtema ketiga melibatkan penggantian penaakulan peribadi dengan output AI. Apabila mendepani kesukaran memahami istilah falsafah (seperti epistemologi, ontologi atau aksiologi), pelajar segera merujuk kepada takrifan mudah AI berbanding membincangkannya bersama pensyarah atau rakan kuliah, sekali gus mengetepikan interaksi dialektika bersemuka yang terbukti berkesan mematangkan minda [9,16].

4.1.4 Konflik metakognitif dan dilema etika

Di sebalik kebergantungan tinggi kepada AI, analisis menunjukkan bahawa mahasiswa sebenarnya mengalami krisis dalaman yang mencerminkan kesedaran metakognitif mereka [16]. Subtema pertama memfokuskan kepada perasaan bersalah dan tidak selesa. Mahasiswa mengalami konflik dalaman dan rasa tidak selesa apabila memperoleh gred cemerlang dalam tugasan akademik, kerana menyedari sebahagian besar kandungan karya tersebut bukan terbit daripada kefahaman dan usaha kognitif tulen mereka sendiri [16].

Subtema kedua ialah kebimbangan kehilangan suara keaslian diri. Terdapat ketakutan yang nyata dalam kalangan pelajar bahawa keunikan gaya penulisan, identiti intelektual dan "suara ilmiah" peribadi mereka akan terhapus akibat penyeragaman struktur bahasa yang dihasilkan oleh sistem AI generik [16]. Akhir sekali, subtema ketiga mencerminkan dilema etika . Pelajar terperangkap dalam pertembungan antara desakan pragmatik untuk menyiapkan tugasan dalam masa singkat dengan tuntutan moral bagi mengekalkan kejujuran intelektual dan pematuhan etika akademik [16,20].

Jadual 2
Ringkasan 4 dimensi cabaran epistemologi digital mahasiswa FIS

1. Pemprosesan Ilmu Cetek	Penerimaan rawak tanpa pengesahan fakta; melangkau teks analitikal; membaca rumusan mekanikal.	Melumpuhkan minda inkuiri; mewujudkan 'ilusi pengetahuan'; sintesis ilmu yang tidak bersepadu (terfragmentasi).
2. Hakisan Usaha Kognitif	Mengelak kesukaran mental; kurang yakin hujah kendiri; penurunan inisiatif inkuiri peribadi.	Kehilangan kecekapan menyelesaikan masalah; mengikis ketahanan intelektual dalam dialektika falsafah.
3. Kebergantungan Kognitif AI	AI sebagai pencetus idea utama; refleks rujukan automatik; memintas dialektika sosial bersemuka.	Mengalihkan peranan agensi manusia; memadamkan keupayaan berfikir secara asli dan kreatif.
4. Konflik Metakognitif & Etika	Rasa bersalah akademik; khuatir kehilangan identiti bahasa; dilema tarikh akhir vs integriti.	Ketidakselesaan psikologi akademik; mengikis adab amanah ilmiah dan pemilikan karya asli.

4.2 Cabaran Strategi Penstrukturan Semula Pedagogi Dan Pentaksiran Kursus FIS

Kajian ini menegaskan bahawa kesedaran dalaman mahasiswa semata-mata tidak memadai untuk mengekang amalan cognitive offloading sekiranya reka bentuk penilaian kursus FIS kekal berasaskan tugasan esei bertulis konvensional [16]. Oleh itu, satu penstrukturan semula pedagogi dan pentaksiran yang komprehensif dicadangkan.

4.2.1 Model portfolio reflektif berfasa

Bagi menyekat kecenderungan pelajar menjana esei lengkap dalam beberapa minit sebelum tarikh akhir penghantaran, penilaian esei bertulis perlu diubah kepada format pemantauan draf secara berfasa. Pertama, dari segi pecahan fasa perkembangan, tugasan refleksi dipecahkan kepada tiga fasa utama: Fasa 1 (Minggu 4) pelajar dikehendaki menyerahkan tajuk isu semasa pilihan, pernyataan masalah dan carian rujukan primer (kitab/jurnal) tanpa penglibatan AI. Fasa 2 (Minggu 8) pelajar dikehendaki menyerahkan pemetaan hujah logik (misalnya, pembinaan deduktif atau induktif) serta menganalisis elemen dekolonisasi ilmu. Fasa 3 (Minggu 12) pelajar dikehendaki menghantar sintesis analitikal penuh berserta ulasan kritis kendiri.

Kedua, aspek pengesahan cap masa (timestamping) dilaksanakan melalui muat naik setiap fasa draf secara berkala ke sistem pengurusan pembelajaran universiti (seperti LMS/Google Form). Sejarah penyuntingan teks yang dikesan membuktikan evolusi pemikiran pelajar dan menyukarkan amalan menampal esei siap AI secara langsung. Ketiga, untuk menjamin kecekapan beban kerja pensyarah, penilaian pada Fasa 1 dan Fasa 2 dilaksanakan sebagai penilaian formatif ringan, manakala pemarkahan rubrik holistik penuh hanya diberikan pada fasa penyerahan akhir.

4.2.2 Pentaksiran lisan dan sesi viva-voce

Strategi ini memindahkan tumpuan penilaian daripada produk teks bertulis kepada artikulasi minda secara lisan bagi menguji kefahaman sebenar mahasiswa. Pertama, sesi viva-voce ringkas dilaksanakan iaitu selepas penyerahan portfolio reflektif, setiap mahasiswa dikehendaki menjalani sesi soal jawab bersemuka secara individu atau berkumpulan bersama pensyarah selama 5-7 minit.

Kedua, ujian dikendalikan menggunakan soalan spontan bertumpu. Pensyarah mengemukakan soalan rawak berdasarkan draf yang dihantar pelajar (contoh: "Terangkan mengapa anda memilih premis ini untuk membantah relativisme moral dalam isu X"). Kaedah ini serta-merta mendedahkan sama ada draf tersebut ditulis melalui kefahaman sendiri atau dijana sepenuhnya oleh AI. Ketiga, aktiviti ini disokong oleh dialog Sokratik dalam kuliah bersemuka untuk menghidupkan semula tradisi perdebatan sihat dan soal jawab aktif, sekali gus mengukur ketajaman pemikiran spontan sejajar dengan hasrat pelajar yang lebih menyukai pendekatan pembelajaran secara fizikal [9]. Namun demikian, pelaksanaan sesi viva-voce bagi kursus FIS yang diambil oleh keseluruhan mahasiswa sarjana muda memerlukan pertimbangan serius dari segi peruntukan masa, saiz kelas dan beban tugas pensyarah, justeru strategi pelaksanaan berperingkat serta sokongan sumber tambahan perlu dirancang dengan teliti oleh pihak fakulti.

4.2.3 Pembudayaan kerangka AI beretika berteraskan epistemologi Islam

Kajian ini tidak menyarankan penolakan teknologi secara radikal, sebaliknya mencadangkan integrasi yang beradab dan terpandu [4,16]. Pertama, meletakkan AI sebagai wasilah (alat bantuan), bukan ghayah (matlamat akhir). Pelajar perlu dibimbing dengan kesedaran bahawa kecerdasan buatan hanyalah instrumen teknikal (wasilah) untuk membantu carian data awal, bukannya pengganti akal ('aql) yang memikul amanah kefahaman (ghayah).

Kedua, tugasan kritikan output AI (AI Critic Task) diperkenalkan sebagai modul amali. Pensyarah membekalkan teks jana AI yang mengandungi kelemahan konsep, falasi logik atau prasangka sekular Barat. Mahasiswa ditugaskan untuk membedah ralat tersebut, menapisnya dari acuan epistemologi Islam dan membetulkan fakta yang terhalusinasi. Aktiviti ini membina kemahiran analisis kritis aras tinggi terhadap teknologi [16]. Ketiga, pengisytiharan ketelusan AI diwajibkan menerusi borang pengisytiharan dalam setiap penghantaran tugasan yang memperincikan peranan AI (misalnya, menyatakan arahan prompt yang digunakan untuk pembetulan bahasa), sekali gus mengekalkan prinsip kejujuran intelek.

4.2.4 Penjajaran semula polisi dan wajaran pentaksiran MPU KPT

Bagi mengukuhkan kredibiliti sistem penilaian MPU kelompok U1 di peringkat kebangsaan, kajian ini mengsyorkan pelarasan struktur wajaran gred: Pertama, Pentaksiran Berterusan dinaikkan kepada 70% wajaran gred, ditumpukan kepada portfolio reflektif berfasa (40%), penilaian lisan/pembentangan viva-voce (20%) dan sumbangan aktif dalam dialog Sokratik bersemuka (10%).

Kedua, Peperiksaan atau ujian akhir secara bersemuka dikurangkan kepada 30% wajaran gred. Peperiksaan atau ujian akhir dilaksanakan di dalam dewan peperiksaan atau bilik kuliah dikekalkan bagi memastikan penilaian terhadap kemahiran asas logik, epistemologi dan takrifan konsep falsafah bebas daripada sebarang manipulasi gajet atau peranti digital. Cadangan nisbah wajaran 70:30 ini bersifat awal dan konseptual, justeru pengesahan lanjut melalui kajian rintis serta perbincangan bersama pihak berkepentingan seperti Bahagian Pengurusan Akademik dan jawatankuasa kurikulum MPU KPT tetap diperlukan sebelum ia dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat kebangsaan.

5. Kesimpulan dan Cadangan Kajian Akan Datang

Kemunculan teknologi AI Generatif meletakkan institusi pengajian tinggi pada persimpangan jalan yang kritikal. Kajian ini membuktikan bahawa kebergantungan melampau kepada AI membawa ancaman kognitif nyata berbentuk cognitive offloading, pemprosesan ilmu yang cetek, hakisan inisiatif berfikir mandiri dan konflik metakognitif dalam kalangan mahasiswa FIS. Kesedaran kendiri mahasiswa terbukti tidak memadai untuk menyekat tabiat ini jika universiti mengekalkan struktur penilaian bertulis tradisional yang mudah dimanipulasi. Oleh itu, penstrukturan semula pedagogi menerusi pelaksanaan Model Portfolio Reflektif Berfasa, ujian lisan viva-voce, serta penyelarasan semula dasar wajaran pentaksiran MPU KPT menjadi keperluan mandatori yang mendesak. Teknologi AI harus ditempatkan sebagai wasilah (alat sokongan) yang dipandu rapat oleh nilai etika epistemologi Islam bagi memastikan pengajaran falsafah kekal utuh dalam melahirkan generasi graduan yang kritis, beradab dan seimbang selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sumbangan utama kajian ini terletak pada usaha menghubungkan Teori Beban Kognitif dan epistemologi Islam secara bersepadu bagi menghasilkan cadangan penstrukturan semula pentaksiran yang konkrit dan boleh dilaksanakan dalam konteks kursus MPU Kelompok U1 di Malaysia, satu sudut pandang yang masih kurang diberi perhatian dalam literatur sedia ada. Namun begitu, kajian ini merupakan konseptual dan berasaskan analisis dokumen serta sorotan literatur, tanpa disokong oleh data empirikal primer daripada mahasiswa dan pensyarah kursus FIS di pelbagai IPT secara langsung. Dapatan dan cadangan yang dikemukakan, khususnya wajaran pentaksiran 70:30, juga masih bersifat awal dan wajar disahkan melalui kajian lapangan serta perbincangan pakar sebelum dilaksanakan secara meluas.

Bagi memperkaya perbincangan konseptual ini, penyelidikan masa hadapan dicadangkan untuk memfokuskan kepada tiga aspek berikut: Pertama, menjalankan kajian lapangan berbentuk kuantitatif (tinjauan persepsi) dan kualitatif (temu bual mendalam) secara meluas bagi mengumpul maklum balas mahasiswa dan pensyarah kursus FIS di pelbagai IPT berkaitan impak kognitif penggunaan AI. Kedua, melaksanakan kajian perbandingan kuasi-eksperimen untuk menguji perbezaan tahap penguasaan pemikiran kritis antara kumpulan pelajar yang dinilai menggunakan portfolio reflektif berfasa berbanding kumpulan kaedah esei bertulis konvensional. Ketiga, mereka bentuk, mengesahkan dan melaksanakan rubrik pentaksiran khusus untuk menilai kecekapan etika AI (AI ethics competency) bagi mengukur kebolehan pelajar memanfaatkan AI secara bertanggungjawab dalam penulisan ilmiah.

Penghargaan
Penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini tidak menerima sebarang dana atau geran penyelidikan.

Rujukan

[1] Ahmed, Sirwan Khalid, Ribwar Arsalan Mohammed, Abdulqadir J. Nashwan, Radhwan Hussein Ibrahim, Araz Qadir Abdalla, Barzan Mohammed M. Ameen, and Renas Mohammed Khdhir. "Using thematic analysis in qualitative research." *Journal of medicine, surgery, and public health* 6 (2025): 100198.https://doi.org/10.1016/j.glmedi.2025.100198.

[2] Al-Attas, Muhammad Naquib. *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia, 1980.

[3] Ali, Nurul Badriyah, Syazwani Abd Rahim, Siti Noor Ain Aziz, Nurfarhana Mohd Daud, Syaimak Ismail, and Mat Yusof. "Easy Access Center (EAC552) for Centralized Materials and Assessment's Guidelines for Course Philosophy and Current Issues." In *APS Proceedings*, vol. 7, pp. 36-44. 2023.

[4] Awang, Hapini, Maziah Mahmud, and Ramlan Mustapha. "Reconstructing Islamic thought in the age of artificial intelligence: An epistemological analysis." *International Journal of Islamic Theology & Civilization (E-ISSN-3009-1551)* 4, no. 1 (2026): 46-55. https://doi.org/10.5281/zenodo.18371628.

[5] Azlan, Aishah, Sumaiyah Bahri, and Mohd Norazri Mohamad Zaini. "PERANAN SUBJEK FALSAFAH DAN ISU SEMASA DALAM PEMBENTUKAN INSAN BERSEPADU DAN SEJAHTERA BAGI MENDEPANI CABARAN SEMASA." *E-Journal of Islamic Thought & Understanding* 7, no. 2 (2024): 73-89.https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6042.

[6] Bakar, Osman. Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science. Islamic Texts Society, 2008.

[7] Braun, Virginia, and Victoria Clarke. "Using thematic analysis in psychology." *Qualitative research in psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa.

[8] Kassim, Faezah, Mohd Rahimi Ramli, Noor Ain Mat Noor, Irene Seok-Ching Yong, and Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. "PERANAN KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA DALAM "MENYEMPURNAKAN" MAHASISWA: KAJIAN DI UNIVERSITI MALAYA: The Role of Philosophy and Current Issues Course in" Refining" Students: A Study at Universiti Malaya." *Asian People Journal (APJ)* 6, no. 2 (2023): 35-46. https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.420.

[9] Kassim, Faezah, Noor Ain Mat Noor, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Irene Yong Seok Ching, Rahimi Ramli, and Fatimi Hanafi. "Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya: Implementation and Effectiveness of Teaching and Learning Methods of Philosophy and Current Issues Courses among Students in Universiti Malaya." *Sains Insani* 8, no. 1 (2023): 15-24. https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no1.416.

[10] Marinsah, Syamsul Azizul, A. M. R. Abang Muis, Mohd Sohaimi Esa, I. W. Othman, H. Ramlie, S. Mokhtar, and M. S. Yusoff. "Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah." *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 6, no. 39 (2021): 137-149. https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/33266.

[11] Marinsah, Syamsul Azizul, M. N. H. H. H. Ramlie, and Irma Wani Othman. "Signifikan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Pembentukan Akhlak dan Moral di Universiti Malaysia Sabah." *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 7, no. 45 (2022): 127-136. https://doi.org/10.35631/IJEPC.745010.

[12] Mashudi, Rohaidah, Mohd Hairul Anuar Razak, Hawa Rahmat, Nor Huda Abd Hamid, Nurhazlini Rahmat, Azean Idruwani Idrus, and J. Sham Wahid. "Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Umum di IPTS." *International Journal* 2, no. 8 (2019): 95-108. https://doi.org/10.35631/IJHPL.28007.

[13] Ismail, Huzaimah. "Implementation of General Education Subject (MPU) in Malaysia: an overview." *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* (2021). https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.205.

[14] Melisa, Rahyuni, Ashadi Ashadi, Anita Triastuti, Sari Hidayati, Achmad Salido, Priska Efriani Luansi Ero, Cut Marlini, Zefrin Zefrin, and Zaki Al Fuad. "Critical Thinking in the Age of AI: A Systematic Review of AI's Effects on Higher Education." *Educational Process: International Journal* 14 (2025): e2025031. https://doi.org/10.22521/edupij.2025.14.31.

[15] Risko, Evan F., and Sam J. Gilbert. "Cognitive offloading." *Trends in cognitive sciences* 20, no. 9 (2016): 676-688. https://doi.org/10.1016/j.tics.2016.07.002.

[16] Roy, Bijon Kumar, and Md Solaiman Jony. "Generative AI and critical thinking in higher education: Students' narratives of cognitive offloading." *Journal of Interdisciplinary Studies in Education* 15, no. 3 (2026): 263-282. https://doi.org/10.32674/jey59q25.

[17] SAILI, JAHIDIH, Masnih Mustapa, and SITI SAIDATUL AKMAL ARISHIN. "META-ANALISIS KAJIAN FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA: META-ANALYSIS OF PHYLOSOPHY STUDIES AND CURRENT ISSUES (FIS) IN HIGHER EDUCATION INSTITUTION IN MALAYSIA." *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 5, no. 4 (2024): 251-263. https://doi.org/10.55197/qjssh.v5i4.421.

[18] Sweller, John. "Cognitive load during problem solving: Effects on learning." *Cognitive science* 12, no. 2 (1988): 257-285. https://doi.org/10.1207/s15516709cog1202_4.
[19] Wan Daud, Wan Mohd Nor. Budaya Ilmu: Satu Penjelasan. Pustaka Nasional, 2003.
[20] Zhai, Chunpeng, Santoso Wibowo, and Lily D. Li. "The effects of over-reliance on AI dialogue systems on students' cognitive abilities: a systematic review." *Smart learning environments* 11, no. 1 (2024): 28. https://doi.org/10.1186/s40561-024-00316-7